

Tiga pelajar UPM nafi alami masalah kewangan untuk bayar yuran pengajian

Potong rumput tambah duit poket

Oleh NADIA SHAIFUL BAHARI

SERDANG — Tiga pelajar lelaki Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat perhatian luar biasa masyarakat gara-gara kisah mereka yang kononnya terpaksa mencari pendapatan sampingan untuk menampung yuran pengajian dengan menawarkan perkhidmatan potong rumput tersebut di media sosial.

Mereka yang berasal dari Kelantan dan didakwa datang dari-pada keluarga kurang berada terpaksa melakukan pekerjaan itu sebelum sesi pengajian baharu bermula pada bulan depan.

Bagaimanapun, seorang pelajar berkenaan, Muhammad Naqiuddin Afiq Hapid Hazli, 21, berkata, terdapat pihak yang mengolah status asal di akaun Facebook miliknya sehingga menggambarkan mereka terdesak untuk mencari duit untuk menyara kehidupan.

“Berita tersebut tidak benar kerana kerja itu merupakan



MUHAMMAD NAQIUDDIN



MUHAMMAD ARIFF




MOHAMMAD SHATAR

inisiatif kami sendiri untuk mencari duit poket,” katanya yang merupakan pelajar tahun dua Bachelor Sains Perkhidmatan Makanan pada sidang akhbar di UPM di sini semalam.

Beliau membuat penjelasan berhubung dakwaan yang terse-

bar meluas di media sosial sejak dua minggu lalu bahawa pihak pentadbiran UPM mengabaikan kebijakan pelajar yang kurang kemampuan seperti mereka.

Muhammad Naqiuddin mengaku pendapatan yang diperoleh oleh mereka sebagai pemotong rumput cukup lumayan sehingga pernah mencecah sebanyak RM1,600 sehari.



KERATAN Facebook yang mendakwa tiga pelajar UPM terpaksa mengambil upah dengan memotong rumput.

Seorang lagi pelajar, Muhammad Ariff Abdul Razak, 20, memberitahu, idea untuk menawarkan perkhidmatan potong rumput itu timbul selepas beliau, Muhammad Naqiuddin dan seorang lagi pelajar tahun satu Bachelor Ekonomi, Mohamad Suhaimi Che Darus, 20, melihat keadaan rumput yang panjang di belakang kolej kediaman mereka.

“Kami mencadangkan kepada pihak kolej untuk potong rumput dan terpulang kepada mereka untuk menetapkan jumlah bayaran,” ujar pelajar tahun pertama Bachelor Sains Akuakul-



MUHAMMAD Naqiuddin (kanan), Muhammad Ariff (tengah) dan Mohamad Suhaimi memotong rumput untuk menambah duit poket mereka di Kolej 13, UPM, Serdang semalam.

tur itu.

Menurutnya, beliau tidak menyangka akan mendapat sambutan menggalakkan sehingga ada syarikat yang menawarkan pekerjaan tetap untuk memotong rumput.

“Namun, kami terpaksa tolak kerana terikat dengan komitmen belajar,” ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni UPM, Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran menjelaskan, pihaknya memiliki kewangan yang mencukupi untuk memastikan kebijakan setiap pelajar dijaga dengan sebaiknya.

“Sekiranya benar terdapat pelajar yang mengalami masalah untuk belanja makan, kita boleh bagi RM200 serta-merta untuk kegunaan mereka,” katanya.